

SATU TINJALIN MENGENAI SEBAB-SEBAB KEHADIRAN PENGEMIS DI
KUALA LUMPUR

OLEH

SHARIFAH ZAITUL AKMAL SYED ABDULLAH (91685982)
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM
KAJIAN PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
ITM SHAH ALAM SELANGOR

KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAKAN KEPADA KAJIAN PENTADBIRAN DAN
UNDANG-UNDANG, INSTITUT TEKNOLOGI MARA, SHAH ALAM, SELANGOR
UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM

DISEMBER 1994

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	ii
SENARAI JADUAL	iii
SENARAI JADUAL	iv

BAB 1

1.0 PENGENALAN	3-4
1.1 RASIONAL	5-6
1.2 OBJEKTIF	6-8
1.3 ANDAIAN	8-10
1.4 SKOP	11-12
1.5 METHODOLOGI	12-13
1.6 SEKATAN DAN MASALAH	14-15

BAB 2

2.0 LATAR BELAKANG PENGEMIS DI KUALA LUMPUR	16-19
2.1 JENIS-JENIS PENGEMIS	19-21
2.2 PENGKELASAN PENGEMIS	21-22
2.3 PENGEMIS MENGIKUT KAUM	22-26

ABSTRAK

Alhamdulillah bersyukur kita kehadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya, kertas projek ini dapat disiapkan.

Saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di dalam menjayakan kertas projek ini. Atas jasa pihak-pihak yang tertentu, segala maklumat yang terperinci yang diberikan amat dihargai.

Semoga pihak-pihak yang berkenaan tidak serik memberikan bantuan kepada saya dan pelajar-pelajar di masa-masa akan datang. Di harap pelajar-pelajar yang akan datang akan menggunakan segala peluang yang ada untuk menambahkan pengetahuan

Penyedian kertas projek berkenaan dengan tajuk ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang terperinci mengenai masalah ini. Semoga dengan penyedian kertas kerja ini, pihak-pihak yang terbabit menyedari tugas mereka untuk membasmikan masalah ini.

PENGHARGAAN

Di kesempatan ini, Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat kerana telah memberi kebenaran membuat kajian mengenai sebab-sebab kehadiran pengemis di Kuala Lumpur terutamanya kepada:

- i. Puan Grace P. Nazsamajoo selaku pegawai Bahagian Latinhan.
- ii. Cik Intan Darina Al-Rasyid selaku pegawai Bahagian Statistik

Tidak ketinggalan kepada penyelia saya iaitu Puan Zauyah Abdul Razak. Ucapan terima kasih juga yang tak terhingga kepada Asmady Hj. Abu Bakar dan Ikhwan Al-Rasyid.

Ucapan terima kasih juga kepada ibu bapa saya dan juga rakan-rakan yang telah memberikan kerjasama serta dorongan mereka untuk menjayakan kertas projek.

1.0 PENGENALAN

Masalah pengemis masih wujud di dalam negara maju seperti Malaysia. Walaupun Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa menjalankan serbuan menangkap pengemis, tetapi mereka masih kelihatan berkeliaran di tempat-tempat tumpuan ramai seperti perhentian bas, masjid, pusat membeli belah dan jejantas. kegiatan mengemis bukan sahaja berlaku di kalangan rakyat tempatan tetapi turut melibatkan pendatang tanpa izin. Malah pendatang asing tanpa izin menjadikan pula kegiatan mengemis itu satu pekerjaan.

Walaupun ramai daripada mereka ditangkap dan Jabatan Imigresan menghantar balik ke negara masing-masing, masih ada lagi yang mengemis. Mungkin kerana sifat suka menolong rakyat tempatan, menjadikan golongan itu berkunjung ke negara Malaysia untuk mencari rezeki dengan mengemis.

Kerajaan telah menukuhan pasukan petugas khas tahun lalu bagi menahan rakyat asing yang menyembunyikan diri di negara ini setelah pas masuk mereka tamat tempoh. Walaupun jumlah golongan itu berjumlah 40,000 tahun lalu, mungkin ada yang bersembunyi kerana bekerja atau mengemis.

Tangkapan pengemis-pengemis ini adalah dibuat mengikut